

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YB TUAN CHANG LIH KANG  
[ TANJONG MALIM ]

**TARIKH :** 1 JULAI 2019

**SOALAN :** 59

**YB Tuan Chang Lih Kang [ Tanjong Malim ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status kejadian kampung Orang Asli Kuala Koh, Kelantan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Di kesempatan dewan yang mulia ini, pihak Kerajaan mengucapkan takziah di atas kematian 15 orang penduduk Orang Asli Kuala Koh dan bersympati kepada musibah tragedi yang dihadapi oleh penduduk Kampung Orang Asli Kuala Koh, Pos Lebir, Gua Musang Kelantan kini.

Menurut pihak Kementerian Kesihatan Malaysia, status kejadian yang berlaku di Kampung Orang Asli Kuala Koh tersebut adalah dikuatkuasa sebagai kawasan larangan zon merah di mana dikawal oleh pihak anggota Pasukan Gerakan Am (PGA). Ini adalah sebagai langkah kawalan pencegahan daripada wabak penyakit *measles* (demam campak) itu berjangkit dan tersebar. Hanya individu atau kumpulan yang telah mendapat kebenaran daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sahaja yang dibenarkan sahaja untuk memasuki ke dalam kawasan tersebut dengan pemakaian khas.

Sehingga kini, pihak Kerajaan komited dan serius dalam melaksanakan bantuan pemulihan rawatan dan pemberian sokongan kebajikan kepada penduduk-penduduk Kampung Orang Asli Kuala Koh sama ada di lokasi penempatan sementara di Kuala Koh dan juga di wad-wad Hospital Kerajaan melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), KKM, PDRM, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) serta beberapa jabatan / agensi Kerajaan yang lain dan pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 29 Jun 2019, jumlah keseluruhan pesakit yang masih berada di Hospital Gua Musang adalah seramai 27 orang. Manakala satu kes baru di laporkan di Hospital Kuala Krai dengan jumlah terkini pesakit yang masih berada di Hospital Kuala Krai adalah seramai 15 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 3 orang masih dirawat di ICU dan 12 orang di wad biasa.

Di Hospital Jeli, tiada kes di hospital tersebut kerana pesakit terakhir telah dibenarkan pulang.

Secara kesimpulannya,

- Jumlah keseluruhan kes sehingga 29 Jun 2019 adalah seramai 136 kes termasuk 3 kematian.
- Kes yang masih berada di dalam wad telah bertambah kepada 42 kes, di mana 39 di wad biasa dan 3 kes di wad ICU Hospital Kuala Krai.
- Jumlah kes di RIKA telah berkurang kepada 6 orang manakala di PLKN Etnobotani telah bertambah kepada 42 orang termasuk 6 kes pindah masuk pesakit baru dari RIKA.

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) telah bersetuju membina telaga (*tubewell*) dengan sistem penapisan air tanah ringkas di perkampungan Orang Asli Kuala Koh. Pembinaan dijangka akan dimulakan dalam masa terdekat dan dijangka selesai pada penghujung Julai 2019.
2. Pesakit dan Pengiring Pesakit Orang Asli di Kuala Koh masih dibekalkan makanan bermasak sebanyak 3 kali sehari bagi setiap orang yang berada di RIKA oleh pihak JAKOA sejak 2 Jun 2019 sehingga kini.
3. Setiap Pesakit dan Pengiring Pesakit Orang Asli Kual Koh ini juga turut dibekalkan pakaian, tuala, selipar dan barang-barang asas keperluan diri.
4. Pihak JAKOA menyediakan perkhidmatan pengangkutan pesakit dan pengiring dari kampung ke hospital mulai 2 Jun 2019 sehingga kini bagi tujuan rawatan susulan dan pemulihan.
5. Kesemua penduduk kampung telah pulang ke rumah masing-masing selepas Ops Bateq ditamatkan.

Sekian terima kasih.